

# Mangsa kebakaran pindah minggu depan

KUALA LUMPUR 30 Mei - Kesemua 24 keluarga mangsa kebakaran rumah setinggan di Jalan Peel di sini yang menerima tawaran rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Muhibbah, Puchong dijangka berpindah selewat-lewatnya minggu depan.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, mereka yang ditawarkan unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Muhibbah, Puchong itu turut diberi kemudahan pengangkutan percuma oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Selain itu bantuan wang tunai RM300 daripada DBKL dan RM300 lagi daripada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) turut disalurkan untuk meringankan beban mangsa kebakaran," katanya selepas menandatangani surat tawaran dan bantuan itu di sini.

Hadir sama dengan Ketua Pengarah Perumahan Sosioekonomi DBKL, Datuk Mohd. Amin Nordin Abd. Aziz, Pengarah Eksekutif YWP, Datuk Mohd. Idris Mohd. Isa dan Pengarah Perumahan DBKL, Suliman Surah-



**SEBAHAGIAN** mangsa kebakaran rumah setinggan di Jalan Peel meneliti surat tawaran ke PPR Kampung Muhibbah, Puchong pada majlis sumbangan di Kuala Lumpur, kelmarin.

man.

Turut serta, Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Wira Syed Ali Alhabshee dan Ketua UMNO

Bahagian Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani.

Tambah Raja Nong Chik, kesemua mangsa juga berpeluang

membeli PPR pada masa akan datang, bagaimanapun mereka harus memiliki rekod pembayaran yang baik.

